


GEMPAK.

WEEKLY EDITION





ACHA SEPRIASA

Filem Qodrat 2 bukan sekadar sebuah karya seram biasa yang memenuhi layar pawagam tetapi ia hadir sebagai sebuah pengalaman rohani yang mendalam buat penonton.

Karya sutradara Charles Gozali itu dibalut dengan elemen sinematik yang sangat mengesankan. Ia ditambah dengan keberhasilannya dalam menyampaikan mesej spiritual dan keinsafan dalam balutan genre seram yang well-crafted.

Di sebalik adegan-adegan mendebaran dan visual seram yang dirancang dengan rapi, terselit mesej mendalam tentang keberanian menentang kezaliman, serta penghayatan terhadap ibadah.

Qodrat 2 bukan sahaja berjaya memberikan ketegangan dan kejutan seperti yang diharapkan dalam sebuah filem seram, tetapi juga berjaya menyentuh hati dan menyampaikan pengajaran hidup yang mendalam.

Filem terbitan Magma Entertainment dan Astro Shaw ini membuktikan bahawa genre seram tidak semestinya hanya menakut-nakutkan penonton, tetapi mampu menjadi medium penceritaan yang sarat emosi.

Penulis menyifatkan lakonan Acha Sepriasa ternyata menjentik jiwa penonton apabila satu babak luar biasa iaitu adegan solat taubat oleh watak Azizah dilakonkan dengan penuh penghayatan. Dalam keadaan penuh ketakutan, kesedihan dan penyesalan, Azizah memohon keampunan dalam solat taubatnya.

Babak solat taubat Azizah itu bukan sahaja menjadi kemuncak emosi dalam filem ini, tetapi juga titik refleksi buat penonton.

Tanpa ragu, ia menjadi salah satu adegan paling berkesan dalam sejarah filem seram Nusantara.

Charles Gozali menyifatkan karyanya itu lebih daripada satu pengalaman menonton.

Pengalaman Azizah melewati solat taubat dan bagaimana dia kembali kepada keimanannya menunjukkan pengampunan Allah itu lebih besar dari segala murkanya.

"Kita sebagai manusia, selama mana kita tawakkal dan selalu berserah kepada Allah akan selalu ada jalan. Itu memberikan kekuatan kepada penonton untuk menghadapi hidup dengan satu keyakinan baharu yang baik."

"Ia sebuah filem seram yang mampu memberi harapan kepada seseorang saja menerusi karakter dalam filem ini. Kami mahu berbicara dengan penonton. Kami juga bukan mengurangi elemen seram tetapi inilah perjalanan trilogi Ustaz Qodrat."

"Saya percaya elemen seram ini mungkin berbeza bagi seseorang tapi apa yang kami dengar ia lebih daripada itu kepada seseorang. Kami sebagai pembikin filem ingin menyampaikan sesuatu, saat itu terjadi (beri kesan pada penonton) ia sebuah momen yang berharga," ujarnya bangga.

Qodrat 2 yang dibintangi Vino G. Bastian, Acha Sepriasa dan ramai lagi itu kini ditayangkan di pawagam seluruh negara.



Fakta Menarik Qodrat 2 Yang Anda Perlu Tahu

Filem Qodrat 2 bukan sekadar filem seram biasa. Di sebalik adegan-adegan mencemaskan dan penuh misteri, tersembunyi pelbagai cerita menarik dari balik tabir pembikinan filem ini.

Salah satunya datang daripada pelakon utama, Acha Septriaya, yang mengakui wataknya sebagai Azizah merupakan antara cabaran paling besar dalam kerjayanya.



Alami Tekanan Psikologi

Menurut Acha, peranan sebagai Azizah sangat mencabar sehingga memberi kesan kepada keadaan psikologinya sendiri. Dia berkongsi pengalaman sewaktu menjayakan adegan 'melotot' yang muncul dalam sembilan minit pertama trailer Qodrat 2.

Cerita Acha, dia menerima arahan khusus daripada Pengarah Sinematografi, Mas Hani, untuk menzahirkan ekspresi kegelisahan yang benar-benar terasa oleh penonton.

"Kameramen saya, Mas Hani, cakap pada saya, 'Acha, adegan ini adalah sembilan minit pertama. Awak kena pastikan buka mata luas-luas, sebab saya nak tengok dari dalam jiwa awak. Kegelisahan tu mesti nampak jelas,'" cerita Acha.

Akibat tuntutan emosi yang tinggi dalam babak tersebut, Acha perlu menyelami perasaan tertekan dan gelisah secara mendalam. Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada kesihatan mentalnya selepas penggambaran.



Bina Set Dari Kosong

Antara fakta unik yang jarang diketahui tentang Qodrat 2 ialah lokasi penggambarannya. Menariknya, produksi filem ini tidak menggunakan lokasi sebenar, sebaliknya semua set dibina dari kosong!

Menurut Acha, pihak produksi menyewa tiga buah gudang besar dan mengubah menjadi lokasi seperti penjara, lorong-lorong, bilik tidur, hingga ke gua misteri.

Gudang yang digunakan itu pula bukan calang-calang saiznya dianggarkan seluas 1,000 meter persegi! Ini membolehkan kru produksi mengawal sepenuhnya suasana penggambaran, pencahayaan, dan kesan visual mengikut kehendak babak.

Enam Kali Jeritan

Satu lagi momen mencabar buat Acha berlaku di penghujung trailer, apabila wataknya, Azizah, menjerit memanggil nama Qodrat.

Siapa sangka, babak ini memerlukan rakaman berulang kali hingga enam kali percubaan, mengambil masa hampir dua jam!

"Itu adegan yang paling banyak ambil masa. Saya sampai naik geram sebab kena ulang-ulang. Saya pula yang salah sebab tak pandang ke atas masa take pertama," cerita Acha sambil ketawa kecil.


Make Up Selama 10 Jam

Penerbit, Linda Gozali, memaklumkan pihak produksi mengambil masa selama 10 jam untuk menyiapkan sosok iblis Assuala.

"Untuk solekan ia mengambil masa selama 10 jam. Kami mengabungkan solekan yang praktikal terutama untuk kesan khas."

"Perancangannya kami memang perlu hasilkan ia sebuah sosok yang nyata, kami sangat teliti dari mula sampai akhir agar ia nampak benar-benar seram," kongsinya.

Dedah Linda, sosok iblis Assuala itu dilakonkan pelakon terkenal, Teuku Rifnu Wikana. - KHAIRIL KHUSYAIRI



Catatan Kecil Buat Allahyarham Pak Lah Yang Disayangi Rakyat Jelata

Hampir satu pekan negarawan Allahyarham Haji Abdullah Ahmad Badawi atau akrab dikenal rakyat jelata sebagai Pak Lah dijemput pulang ke negeri abadi.

Namun hampir satu pekan ini juga, masih banyak catatan kecil, memori besar dan sekadar kenangan atau anekdot menyampaikan 'suara' tentang mantan Perdana Menteri Kelima Malaysia ini masih bertebaran di pelbagai platform media sosial.

Dan hampir kesemuanya ; daripada pesohor negara sehingga marhaen menukilkan yang indah-indah tentang Pak Lah yang berpulang ke Rahmatullah pada usia 85 tahun pada 14 April 2025 di Institute Jantung Negara, (IJN), Kuala Lumpur.

Sebagai pemimpin negara dari tahun 2003 hingga 2009, Pak Lah, laki-laki dengan wajah redup dan tidak lekang senyum disifatkan sebagai pemimpin berjiwa tenang. Selaku ketua negara, Pak Lah juga terkenal dengan sifat merendah diri. Dirinya sentiasa amanah dalam mentadbir negara dan menjunjung prinsip integriti yang membuatkan beliau sentiasa dihormati.

Sosok Pak Lah juga tidak akan dilupakan sebagai individu yang mengubah 'pekan koboi' Kepala Batas menjadi bandar baharu yang pesan membangun ; dan jasanya itu akan sentiasa basah dalam ingatan warga Kepala Batas.

Bagi rakyat jelata biasa yang bukan pengikut setia hal-hal retorik, propaganda atau politik negara, sosok Pak Lah juga tidak pernah 'menyakiti' ; Allahyarham sangat sederhana baik dari segi perlakuan atau percakapan - menyenangkan jika boleh disimpulkan sepanjang pemerintahan dan kehidupannya di dunia.

Kini sosok laki-laki sederhana yang salah satu kemahirannya menulis puisi ; kebanyakannya tentang kerohanian seperti yang menjadi sohor kini, Ku Cari Damai Abadi sedang menuju keabadian. Pun demikian, jasa dan seluruh kebaikannya masih dicanang-canang — menimbulkan keghairahan beginilah pemergian seorang manusia yang mahu dikenang. - MALIAH SURIP

Big Stage Alpha Diberi Sentuhan Boy Group



Astro kembali dengan Big Stage Alpha iaitu edisi yang diberi nafas segar kepada konsep asal siri realiti popular Big Stage dalam musim terbaharunya.

Menurut Ketua Saluran Astro Ria, Norzeha Mohd Salleh, program ini mengikuti trend hiburan antarabangsa yang semakin mengangkat format pertandingan idola berdasarkan satu jantina, Big Stage Alpha hadir sebagai respons Astro terhadap fenomena 'idol survival' yang semakin mendapat tempat di hati peminat.

"Diinspirasikan daripada aliran program-program realiti terbesar di Asia, program ini menggabungkan pertandingan nyanyian berintensiti tinggi, naratif penuh emosi dan kuasa fandom, sekaligus meraikan bakat tempatan dalam sebuah platform produksi tempatan bertaraf antarabangsa.

"Kami berharap dapat mencorak transformasi peserta, bukan sahaja melalui usaha mereka sendiri, tetapi juga dengan bimbingan serta sentuhan profesional daripada barisan pakar tempatan dan antarabangsa," ujarnya.

Program ini tampil dengan format all-male spin-off, menampilkan 18 bintang lelaki yang akan bersaing untuk merebut peluang eksklusif menjadi sebahagian daripada 'boy

group' (kumpulan lelaki) pertama yang bakal debut di bawah naungan Astro, ditentukan melalui gabungan markah juri dan undian peminat.

18 peserta yang akan bersaing dalam Big Stage Alpha adalah:

1. Afiq Sky 2. Alif Azri 3. Allan Anderson 4. Ariel Fesol 5. Ashmirul 6. Araff 7. Que 8. Qarl G 9. Daniel Sher 10. Ray-D 11. Apich Lo 12. Ridhwan Azman 13. Awenit 14. Suff Ahmed 15. Syafeek Ikhwan 16. Izat Ibrahim 17. Rizal Rasid 18. Shaqeem.

Bintang-bintang ini yang berusia antara 18 hingga 37 tahun, datang daripada pelbagai latar belakang termasuk Brunei, Singapura dan Indonesia.

Kesemua bintang Big Stage Alpha akan dijuri oleh Edry Abdul Halim, Datuk Syafinaz Selamat dan Hael Husaini.

Manakala dua personaliti berkarakter, Elly Mazlein dan bintang Indonesia, Rina Nose pula kembali menggalas tanggungjawab sebagai hos.

Big Stage Alpha akan mula bersiaran pada 27 April 2025, setiap Ahad jam 9 malam di Astro Ria (Saluran 104) dan turut distrim melalui Astro GO dan sooka. - MYA AMRI

GEMPAK SINEMA




Pengarah: Guntur Soeharjanto

Pelakon: Wulan Guritno, Erick Estrada, Tissa Biani

Genre: Drama

Mengangkat kisah benar daripada perjalanan rumah tangga Norma Risma dan suaminya. Pada awalnya, perkahwinan mereka berjalan lancar, malah suaminya diterima baik oleh keluarga Norma dan mempunyai hubungan rapat dengan mereka.

Namun, segalanya berubah secara tragis apabila suami Norma didapati menjalinkan hubungan sulit secara diam-diam dengan ibu mertuanya sendiri. Perselingkuhan yang luar biasa ini berlaku tanpa pengetahuan Norma dan ayahnya, mencetuskan konflik keluarga yang penuh emosi dan tidak terjangka.



Pengarah: Ryan Coogler

Pelakon: Michael B. Jordan, Hailee Steinfeld, Jack O'Connell, Wunmi Mosaku, Jayme Lawson

Genre: Seram

Sinners berlatar di Mississippi Delta pada tahun 1933, mengisahkan dua beradik yang pulang ke kampung setelah terlibat dalam jenayah di Chicago. Mereka membuka sebuah juke joint, iaitu tempat hiburan muzik yang menjadi simbol kebebasan dan perpaduan komuniti kulit hitam semasa era pengasingan kaum.

Namun, ketenangan mereka diganggu oleh kehadiran Remmick, kumpulan pontianak yang mengancam keselamatan komuniti tersebut.



Pengarah: Jo Jang-Ho

Pelakon: Kang Ha-Neul, Hwang Dae-Woong

Genre: Thriller

Mengisahkan tentang Woo Sang, seorang streamer jenayah yang paling popular di Korea kerana kebolehannya menyiasat dan membongkar pelbagai kes lama yang belum selesai (cold cases) secara langsung menerusi siaran penstriman.

Kehebatannya menghubungkan petunjuk demi petunjuk serta karismanya di hadapan kamera menjadikannya tumpuan ramai. Namun, semakin dalam Woo Sang menyelami kebenaran, semakin besar risiko yang perlu dihadapinya.

Carta Gempak Most Wanted: Amira Othman, Sir Badang, Dina Nadzir Kuasai Carta Minggu Ini!

Carta Gempak Most Wanted minggu ini terus menampilkan nama-nama yang menjadi kegilaan ramai dalam dunia digital dan hiburan tempatan. Dalam kategori DC Foodie, Darus Lantak mencuri perhatian peminat dengan kandungan makanan yang semakin digemari ramai, mendahului pencabar rapatnya Jason.

Sementara itu, dalam DC Motivation & Education, Zulkifli Ismail pula mengekalkan kedudukan sebagai tokoh motivasi digital paling berpengaruh minggu ini.

Lagu "Bila Nak Kahwin?" nyanyian Amira Othman kekal sebagai lagu paling trending minggu ini diikuti rapat oleh "Nurcinta" dan "KUDETA".

Dalam dunia kandungan digital, Dina Nadzir menjadi Hos Program Digital Paling Popular minggu ini.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak kedudukan terkini Top 5 GMWA 2024:

DC BEAUTY & FASHION

1. Raidah Nurr
2. Carldevstar
3. Ashrffanuar
4. Aeyin
5. Nigel Sparks

DC MOTIVATION & EDUCATION


1. Sir Badang
2. Liyana Azizan
3. Ms Marza
4. Zulkifli Ismail
5. Spacedollah

SELEBRITI TRENDING

1. Amira Othman
2. Zahiril Adzim
3. Shukri Yahaya
4. Ummi Nazeera
5. Naim Daniel

LAGU TRENDING

1. Bila Nak Kahwin? - Amira Othman
2. Nurcinta - Amir Masdi
3. KUDETA (OST Kahar Kapla High Council) - Eleven Tonight ft Amir Ahnaf
4. Rahsia Tuhan - Noh Salleh
5. Keluang Man - Krisya & Sekumpulan Orang Gila (SOG)



M. Nasir Cipta Magis Di Konsert Cipta Raya

M. Nasir, nama yang sinonim dengan karya luar kotak, kembali mencetus fenomena dengan Konsert Datuk M N46IR Cipta Raya— sebuah konsert berkonsep rumah terbuka yang hanya menggunakan lagu-lagu raya sebagai teras utama.

Bertempat di Zepp Kuala Lumpur, konsert ini membuktikan bahawa lagu-lagu Aldilfitri seperti Selamat Hari Lebaran, Raya Yang Sempurna dan Satu Hari Di Hari Raya mampu dinikmati dalam suasana gah seperti konsert muzik arus perdana.

Dengan susunan muzik baharu yang segar tanpa menghilangkan jiwa raya, lagu-lagu hasil ciptaan beliau diberi nafas moden namun kekal menyentuh rasa. M. Nasir turut menyelitkan lagu-lagu hit seperti Sahabat Gua, Raikan Cinta, Apokalips dan Pheonix Bangkit Dari Abu, menambahkan aura luar biasa kepada malam tersebut.

Konsert ini bukan sekadar hiburan, tetapi satu pengalaman budaya baharu — menjadikan harapan M. Nasir untuk membudayakan konsert raya sebagai acara tahunan bukan lagi sesuatu yang mustahil. Bahkan, penonton bukan saja pulang dengan kenangan manis, tapi juga... duit raya! - MALIAH SURIP



Tunku Ines Lancar Lagu Radar

Penyanyi baharu, Tunku Ines Najihah Raden, tampil dengan single keduanya berjudul Radar ciptaan Shazriq Azeman, Omar K dan Iqie Hugh.

Menurut puteri kepada Yang Amat Mulia Tunku Panglima Besar Negeri Sembilan, Tunku Datuk Seri Nadzaruddin Tuanku Ja'afar dan Yang Mulia Tunku Datuk Seri Mimi Wahida Raden itu, minat menyanyi sudah tertanam sejak kecil dan menjadi penyanyi adalah impian yang kini digapai dengan sokongan keluarga.

"Menyanyi ini merupakan minat dan hobi saya, dan saya rasa kita kena lakukan apa yang kita minat dan target saya adalah untuk menjadi seorang penyanyi," ujarnya. - ASYRAF ROSLAN





Financial Faiz

@financialfaiz

Jangan Kejar Pelepasan Cukai Secara Semberono

Meskipun pelepasan cukai boleh membantu mengurangkan pendapatan bercukai seseorang, pendidik kewangan, Faiz Azmi menasihatkan agar orang ramai tidak terburu-buru membuat pembelian atau melanggan sesuatu perkhidmatan semata-mata untuk mendapatkan pelepasan tersebut.

Jelas Faiz, ramai individu membuat kesilapan apabila menyangka semua pembelian akan secara automatik melayakkan mereka menerima pelepasan cukai.

"Bulan November atau Disember baru LHDN akan keluarkan senarai apa yang boleh dikenakan pelepasan cukai. Jadi jangan beli atau subscribe semata-mata untuk mengejar pelepasan cukai lebih-lebih lagi kalau pendapatan anda rendah.

"Tetapi jangan lupa untuk tetap filekan cukai-cukai anda, kerana bila ada barang yang anda beli termasuk dalam senarai, mudah untuk anda failkan pada bulan Mac tahun hadapan," katanya.


Pada masa sama, untuk mengetahui jumlah cukai yang perlu dibayar, Faiz mencadangkan agar orang ramai merujuk kepada "Tax Table" di laman sesawang rasmi LHDN.

Ini kerana sistem cukai di Malaysia adalah berkadar progresif yang bermaksud semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi kadar cukai yang dikenakan.

Jadi Faiz mengingatkan orang ramai supaya tidak lupa untuk membuat pemfailan cukai pendapatan serta menuntut pelepasan cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum 30 April 2025.

Dengan penjelasan ini, Faiz berharap lebih ramai rakyat Malaysia dapat mengurus kewangan dan pengisytiharan cukai mereka dengan lebih bijak dan teratur, seterusnya mengelakkan kekeliruan dan penalti akibat kesilapan dalam proses pemfailan cukai.






Penang Renames Highway After Tun Abdullah

The Penang government has renamed the North Butterworth Outer Ring Road (NBORR) to the Tun Abdullah Ahmad Badawi Highway in honour of Malaysia's fifth Prime Minister, who passed away on 31 March 2024.

The name change was approved by the Cabinet on 3 April and announced by Chief Minister Chow Kon Yeow.




Prasarana Pulls Racist Deodorant Ad

Prasarana has removed a deodorant advertisement from its trains after receiving backlash for being culturally insensitive and having racist undertones.

The ad, which appeared on Rapid KL trains, was criticised for portraying people of certain ethnic backgrounds negatively.

Prasarana said it does not tolerate racism and has taken action by removing the ad immediately.



Lion Dance Troupes Tricked By Loan Sharks

Several lion dance troupes in Johor were tricked by loan sharks into performing at homes under the pretense of birthday celebrations, only to find out they were actually being used to harass debtors.

The troupes, unaware of the real intent, only realized the deception after noticing suspicious banners and messages during the performance. Police are now investigating the incident.

Read more at www.rojakdaily.com